

Dr Mahathir kesal Perhimpunan Agung Umno kali ini kurang terbuka
Malaysian Insider
Dec 1, 2015
Oleh KC Nazari

Tun Dr Mahathir Mohamad kesal dengan Perhimpunan Agung Umno kali ini, dijadualkan berlangsung minggu depan, yang disifatkannya kurang terbuka dan menyeronokkan berbanding perhimpunan sebelum ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perhimpunan tersebut serta sekatan yang dikenakan terhadap media yang tidak dibenar melaporkan perbincangan perwakilan sewaktu ia berlangsung.

"Saya kesal ia kurang terbuka. Seperkara tentang perhimpunan ini ialah ia sesuatu yang sangat menyeronokkan.

"Orang hadir, mencetuskan idea dan tahu yang mereka berbuat sesuatu untuk negara," katanya kepada media selepas acara di Proton Centre of Excellence di Subang, pagi ini.

Semalam, portal The Rakyat Post memetik Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata sekatan dikenakan ke atas media online semasa perhimpunan agung itu bertujuan menjamin keharmonian negara ini dikekalkan.

"Saya minta media online dihadkan kerana mereka suka putar belit laporan, yang dilihat sebagai satu percubaan mengganggu keharmonian antara kaum di negara ini," katanya.

Malah, beliau sebelum ini mengumumkan semua media tidak dibenarkan membuat liputan perhimpunan itu tetapi larangan itu ditarik balik selepas ia mencetuskan tindak balas negatif daripada pengamal media dan perwakilan yang mahu liputan secara langsung. – 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-kesal-perhimpunan-agung-umno-kali-ini-kurang-terbuka>